

Negara tidak bantu gerakan p e m i s a h

BH 10 MAR 2000

JAKARTA, Khamsis – Malaysia menganggap isu Aceh sebagai masalah dalaman Indonesia dan tidak mahu melihat wilayah itu terpisah daripada republik ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia memberi pertolongan kepada Indonesia jika diminta berbuat demikian, bagi memastikan wilayah itu tidak keluar dari republik ini.

“Dasar Malaysia ialah tidak membantu apa-apa pergerakan pemisahan,” katanya menjawab soalan wartawan Indonesia berhubung pendirian Malaysia mengenai masalah Aceh dalam sidang akhbar bersama dengan Presiden Abdurrahman Wahid di Istana Merdeka di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab serta

Menteri Penyelaras Ekonomi Kewangan dan Industri, Kwik Kian Gie.

Dr Mahathir menjelaskan, beliau baru-baru ini berkesempatan menemui beberapa pemimpin agama dari Aceh dan memberitahu mereka bahawa Malaysia ingin melihat Aceh kekal sebagai sebahagian Indonesia.

Mengenai autonomi bagi wilayah itu, Perdana Menteri berkata terpujanglah kepada pihak berkenaan untuk berunding mengenai-

nya. Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak mahu melihat Malaysia menjadi pangkalan untuk kegiatan tidak sihat. “Oleh itu, kami mahu Aceh tetap berada dalam Indonesia,” katanya.

Sementara itu, Gus Dur berkata, beliau bersetuju mengadakan rundingan dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan syarat ia berjalan baik dan tetap dalam konteks negara kesatuan republik Indonesia.

“Jika semuanya berjalan lancar, rundingan akan diadakan dengan GAM,” katanya.

Gus Dur sebelum ini dipetik sebagai berkata, Indonesia bersetuju Malaysia menjadi orang tengah bagi menyelesaikan pertikaian antara GAM dengan republik itu.

Beliau juga menyatakan, Dr Mahathir sudah mengarahkan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid untuk menjadi orang tengah bagi perundingan antara GAM dengan kerajaan Indonesia.